

Headline	PETIKAN SEMINGGU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	26	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	293 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,791
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,373



**PETIKAN SEMINGGU**

**TIDAK...**  
(Malaysia tidak menyembunyikan fakta). Berdasarkan bukti yang diperolehi, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merumuskan bahawa pesawat itu berakhir di Lautan Hindi.

**TONY ABBOT**  
Perdana Menteri Australia menafikan dakwaan segelintir pihak bahawa Kerajaan Malaysia menyembunyikan fakta berhubung kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 di Lautan Hindi sejak 8 Mac lalu.

**BANYAK** yang perlu kita belajar melalui pengalaman Malaysia, terutamanya dari segi keamanan dan pembangunan pesat yang berlaku di negara ini".

**XANANA GUSMAO**  
Perdana Menteri Timor Leste menyifatkan kejayaan ekonomi dan sosial yang dicatatkan Malaysia selama ini menjadi teladan yang amat baik untuk Timor Leste.

Ini adalah permulaan kepada pengakhiran Parti Keadilan Rakyat (PKR).

**TAN SRI ADENAN SATEM**  
Ketua Menteri Sarawak yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri diperik menersi sebahagian kemernya berhubung keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Balingian yang menyaksikan calon BN, Yusofnoshi Balo menang bergaya memperoleh 8,194 undi mengatasi calon PKR, Abdul Jalil Ujang yang meraih 1,238 undi minakala 146 undi rosak baru-baru ini.

**KESUSAHAN** hidup menyebabkan saya hidup dalam suasana yang mencabar hingga saya pernah terlibat dengan dunia gangsterisme dan rentetan daripada beberapa peristiwa yang menginsafkan, menyebabkan saya bersetia untuk berubah dan menjadi pelajar cemerlang dalam bidang kejuruteraan awam di Institut Teknologi Mara (ITM) yang kemudiannya menjadi UTM.

**TAN SRI PROF. DR. IR. SAHOL HAMID ABI BAKAR**  
Naib Canselor UTM mendedahkan sebahagian kisah mengenai dirinya yang terdapat dalam buku nukilan beliau sendiri bertajuk 'Mencorak Destinii yang dilancarkan di Shah Alam, baru-baru ini.

INI sakit saya mungkin Allah nak kifarat dosa saya atas apa kesalahan saya buat selama saya pimpin Kelantan.

**DATUK NIK ABDUL AZIZ NI MAT**  
Bekas Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas menyatakan demikian ketika mengemukakan permohonan maaf semasa beliau menyampaikan kuliah subuh di Masjid Pulau Melaka di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini.

**MESKIPUN** suami isteri, mereka tidak menunjukkan demokrasi yang sihat dalam arena politik dan hanya mementingkan kuasa demi agenda peribadi.

**DATUK DR. WEE KA SIONG**  
Timbalan Presiden MCA menyifatkan tindakan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail yang bertanding menurut jawatan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai bahan jenaka kerana tidak ada dalam mana-mana parti politik menyaksikan pertembungan antara suami dan isteri dalam jawatan tertinggi.

**MEREKA** adalah orang Melayu istimewa yang dicipta sendiri oleh Perlembagaan.

**DATUK MOHD. NOOR ABDULLAH**  
Penaung Persatuan Darius Sa'adah Negeri Sembilan (MRA) berpendapat bahawa golongan maulat patut diberikan peluang menikmati hak-hak istimewa orang Melayu seperti diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan kerana kedudukan mereka adalah sama dengan takrifan yang diberikan oleh Perlembagaan mengenai ciri-ciri orang Melayu.